

200

SOALAN NO: 516

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
KAWASAN : KOTA KINABALU**

**SOALAN:**

**YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan, penyenggaraan, perancangan, perbelanjaan, jenis-jenis kerja seperti lebuhraya persisiran Tuaran-Kudat, Jalan Kalabakan-Keningau, Batu 14 Jalan Apas dan sebagainya. Berikan nama kontraktor yang bertanggungjawab ke atas penyenggaraan dan pembinaan Jalan Kalabakan-Keningau dan Batu 14, Jalan Apas.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah bagi jajaran Tuaran – Kudat dibahagikan kepada 6 pakej kerja melibatkan anggaran panjang jalan sejauh 123 km. Kesemua pakej yang terlibat telah selesai ditender secara berperingkat dan urusan pelantikan kontraktor pakej kerja tertakluk kepada keputusan penilaian tender dan kelulusan Agensi Pusat. Kerja-kerja pembinaan dijangka dimulakan pada April 2018 secara berperingkat. Pembinaan bagi keseluruhan jajaran ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2021.

Manakala, pembinaan Jalan Kalabakan Keningau yang dimaksudkan adalah Pembinaan Jalan Sapulut Kalabakan sepanjang 145 km yg sudah siap dibina dalam RMK10. Pembinaan jalan ini dibina secara 2 Fasa. Fasa pertama melibatkan pembinaan jalan kerikil, sistem perparitan, perlindungan cerun dan jambatan dilaksanakan oleh Konsortium F.A Irama Duta Sdn Bhd dengan kos RM573.33 juta. Fasa kedua yang melibatkan skop penurapan jalan tersebut pula dilaksanakan oleh Tanah Permai Sdn Bhd dengan kos RM286,967,173.39. Jalan ini berstatus jalan negeri dan telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk disenggara oleh syarikat konsesi lantikan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.